

**Bil. 19**

**Khamis**

**6 April 2017**



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**



# KANDUNGAN

## UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Bekalan Air di Sook, Pensiangan, Sabah**  
– *YB. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy (Kota Kinabalu)* [Halaman 1]
- **Isu Pendidikan Khas**  
– *YB. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)* [Halaman 2]



### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

### MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Semborong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO

16. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] - PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titiwangsa] - UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO

3. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – P.R.S., D.I.M.P
30. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP
31. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy – *Senator*
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

#### AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
10. “ Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB

16. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keteroh] - UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] - UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
44. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO

47. Yang Berhormat Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] - UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. “ Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]

9. Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. " Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. " Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. " Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. " Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
14. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. " Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. " Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
17. " Datuk Mohd Idris bin Jusri, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. " Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. " Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
20. " Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. " Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. " Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. " Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. " Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. " Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. " Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. " Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. " Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. " Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. " Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. " Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. " Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. " Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. " Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. " Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. " Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. " Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. " Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. " Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. " Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]

15. Yang Berhormat Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. " Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. " Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. " Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. " Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. " Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. " Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. " Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. " Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. " Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. " Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. " Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. " Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. " Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. " Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. " Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. " Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. " Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. " Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. " Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. " Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. " Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. " Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. " Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. " Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. " Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. " Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. " Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. " Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. " Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. " Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. " Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. " Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. " Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. " Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (AMANAH)**

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

**PSM**

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

**PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh]

**WARISAN**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Siti Norlina binti Ahmad  
Noraidah binti Manaf

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Nurul Atikah binti Basrudin  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA  
Khamis, 6 April 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Masalah Bekalan Air di Sook, Pensiangan, Sabah**

**2.34 ptg.**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah ke atas ruang untuk berucap tengah hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Sook adalah daerah kecil di bawah Daerah Keningau. Terdapat banyak kampung di sepanjang Sungai Pegalan yang terletak lebih kurang 10 kilometer dari Bandar Keningau. Kawasan ini juga dikenali sebagai mukim Transpegalan. Walaupun mukim ini terletak berdekatan dengan Bandar Keningau iaitu bandar terbesar di kawasan pedalaman Sabah. Banyak kampung di mukim ini yang masih Tuan Yang di-Pertua, belum dapat bekalan air bersih yang terawat.

Terdapat 15 buah kampung yang masih belum mendapat bekalan air bersih di kawasan ini iaitu Kampung Panagatan Ulu, Kampung Mapua, Kampung Magatang, Kampung Kesugui, Kampung Ambual, Kampung Merapok, Kampung Panoi, Kampung Marasak, Kampung Sodomon, Kampung Bomboi, Kampung Pantai Baru, Kampung Meilo, Kampung Linsudan, Kampung Linsudan Baru, dan Kampung Kiamadang.

Tuan Yang di-Pertua, kampung-kampung ini terpaksa bergantung pada air hujan dan paip air graviti yang dibina dan diurus oleh penduduk sendiri. Hampir 7,000 orang penduduk dari 15 kampung ini semakin tertekan dengan masalah bekalan air bersih yang tidak pernah selesai. Ketika hujan, bekalan air memang tidak menjadi masalah kecuali ketika saluran paip air tersumbat. Namun apabila kemarau Tuan Yang di-Pertua, atau tiada hujan dalam tempoh lima hari atau tujuh hari sahaja, pasti bekalan air menjadi masalah besar utama. Malahan, sumber air dari anak sungai di beberapa buah kampung juga semakin mengecil sehingga memaksa penduduk kampung menunggu giliran untuk mendapatkan air dan ada saluran paip graviti ini dibina sejak tahun 90-an lagi dan semakin uzur.

Antara kampung yang paling teruk terjejas adalah Kampung Ambual yang mempunyai penduduk seramai 1,741 orang. Apabila waktu kemarau, penduduk kampung membelanjakan purata RM3 sehari untuk membeli air terawat sebanyak hanya 15 liter. Itulah jumlah RM200 *per entry*. Ini bersamaan dengan RM90 sebulan. Beberapa aduan dari penduduk kampung tersebut diterima bahawa sudah lebih enam projek air graviti cuba dibina oleh kerajaan, tetapi projek-projek tersebut telah tergendala begitu sahaja. Sehingga kini, penduduk kampung sendirilah yang berfikir untuk mendapatkan bekalan air dan terdedah dengan masalah kesihatan akibat penggunaan air yang tercemar.

Penduduk kampung ini juga menghadapi masalah pencemaran air sungai dari sisa buangan dari kilang yang beroperasi berhampiran kawasan tadahan air mereka. Dari tinjauan yang telah dibuat baru-baru ini, mendapati keadaan Sungai Ambual yang jelas kelihatan keruh dan sedikit berminyak.

**■1440**

Tuan Yang di-Pertua, ketika mendapatkan kepastian tentang status air Sungai Kampung Ambual, pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Keningau yang ditemui mengakui air Sungai Ambual sudah tercemar oleh sisa bahan kimia dan tidak selamat untuk digunakan. Malahan, pegawai JPS tersebut telah memberitahu perkara tersebut kepada Tan Sri Joseph Kurup ketika beliau datang ke jabatan tersebut. Jadi saya mahu tanya, apakah rancangan Kerajaan Persekutuan dalam menyelesaikan isu bekalan air di kawasan kampung Daerah Sook ini. Saya mintalah, Menteri lah tolong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Dijemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menjawab. Sila.

**2.41 ptg.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Untuk menjawab Tuan Yang di-Pertua, kementerian memahami masalah bekalan air yang dihadapi oleh penduduk di Daerah Sook. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rolling Plan Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Kesebelas, sejumlah RM53.56 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan dua buah projek air di Parlimen Keningau.

Projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) kawasan Apin-Apin, Keningau, Sabah dengan kos pelaksanaan projek sebanyak RM45 juta dan pelantikan kontraktor dijangka akan dibuat pada bulan Julai 2017 ini. Skop pelaksanaan projek adalah merangkumi pembinaan muka sawk, sebuah loji rawatan air berkapasiti 8 juta liter sehari (8JLH), rangkaian paip transmisi dan agihan sepanjang 20 kilometer, pembinaan sebuah unit rumah pam, pembinaan sebuah unit tangki sedutan berkapasiti setengah juta liter atau 0.5 juta liter dan pembinaan tangki simpanan air berkapasiti 3 juta liter.

Manakala RM8.56 juta lagi diperuntukkan bagi pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sabah Zon 5 – Daerah Keningau. Status terkini pelaksanaan projek ini adalah di dalam proses reka bentuk dan dijangka akan ditender pada bulan September tahun 2017 ini. Justeru itu, keseluruhan masalah bekalan air di Daerah Sook, termasuk 15 buah kampung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu tadi dapat diatasi apabila dua buah projek tersebut siap dan beroperasi sepenuhnya nanti. Sekian, terima kasih.

**Isu Pendidikan Khas****2.44 ptg.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Salam sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang sudi datang menjawab usul saya berhubung dengan isu pendidikan khas negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ibu bapa digalakkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk berganding bahu dengan pihak sekolah dalam usaha mendidik anak-anak. Kementerian Pendidikan Malaysia mengalu-alukan khidmat sokongan dan bantuan sukarela daripada ibu bapa dalam usaha kemenjadian murid di sekolah seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), Bab 4 iaitu Pembelajaran Murid. Malangnya, di dalam pendidikan inklusif, jika ada ibu bapa yang ingin memberi khidmat pendamping (*shadow aide*) kepada anak-anak mereka yang ditempatkan di aliran perdana, mengapakah hasrat ibu bapa ini ditolak oleh pihak sekolah. Pihak sekolah meminta ibu bapa menunjukkan di dalam klausa manakah terdapat butiran yang mengatakan bahawa ibu bapa boleh memberi khidmat damping kepada anak-anak keperluan khas ringan yang ditempatkan di aliran perdana.

Menjelang tahun 2025, hasrat dan aspirasi kerajaan adalah untuk menempatkan murid-murid keperluan khas ringan yang telah didiagnosis oleh pakar pediatrik kanak-kanak ke sekolah aliran perdana. Setelah mengetahui hasrat kerajaan ini, ibu bapa pula ingin menempatkan anak-anak mereka yang didiagnosis oleh doktor sebagai keperluan khas ringan di sekolah-sekolah aliran perdana khususnya di sekolah-sekolah kurang bilangan murid.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, pendidikan inklusif boleh dijalankan melalui dua kaedah iaitu melalui program pendidikan khas integriti (Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia) atau ditempatkan terus di aliran perdana di atas kehendak ibu bapa. Ibu bapa mempunyai hak untuk menentukan penempatan sekolah anak-anak mereka. Hakikatnya sekarang, kebanyakan sekolah kebangsaan aliran perdana menafikan hak ibu bapa dan hak anak-anak ini untuk ditempatkan di sekolah mereka. Peluang ini disalah tafsir dan telah menjadi seolah-olah budi bicara pentadbir sekolah. Pihak pentadbir di kebanyakan sekolah aliran perdana mengatakan bahawa mereka tidak pernah dengar tentang pendidikan inklusif mahupun arif tentang penempatan murid-murid keperluan khas ringan ini di aliran perdana.

Pihak pentadbir sekolah berpendapat bahawa anak-anak ini tidak perlu ditempatkan di sekolah aliran perdana kerana ada sekolah-sekolah pendidikan khas diwujudkan khusus untuk mereka. Ini bercanggah sama sekali dengan hasrat kerajaan seperti yang dirancang di dalam PIPP. Adakah pendidikan inklusif yang diniatkan itu akan tinggal sebagai dokumen sahaja?

Apakah langkah pelaksanaan yang telah diambil oleh kerajaan di peringkat akar umbi untuk merealisasikan pelan ini? Kebanyakan pihak pentadbir sekolah menafikan kehadiran anak-anak keperluan khas ini di aliran perdana atas alasan mereka ini akan mencacatkan prestasi sekolah, lantas menjejaskan KPI pentadbir dan guru-guru. Demi menjayakan pendidikan inklusif, adakah mungkin Kementerian Pendidikan Malaysia mengecualikan prestasi murid-murid keperluan khas diambil kira dalam menentukan KPI sekolah aliran perdana? Mohon Menteri memberi pencerahan dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Ya, minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menjawab.

**2.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Terima kasih soalan Yang Berhormat Batu Gajah berkenaan dengan pendidikan khas.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai isu pendidikan khas. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menetapkan bahawa KPM akan memastikan murid berkeperluan khas (MBK) mempunyai peluang seperti murid arus perdana mendapatkan pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan keperluan mereka. Dasar Pendidikan Khas dilaksanakan untuk memenuhi keperluan pendidikan MBK yang telah dikenal pasti mempunyai kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya pertuturan, masalah pembelajaran, kurang upaya fizikal atau kurang upaya pelbagai. Pendidikan bagi MBK dilaksanakan di sekolah pendidikan khas atau sekolah arus perdana yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) atau Program Pendidikan Inklusif (PPI).

PPI ialah program pendidikan bagi murid MBK bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan pada peringkat prasekolah, rendah, menengah atau lepas menengah.

■1450

Dua pendekatan PPI yang boleh dilaksanakan di sekolah ialah inklusif penuh atau inklusif separa. Kementerian telah mengarahkan semua sekolah supaya patuh akan dasar kemasukan atau penempatan MBK di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Oleh itu, dakwaan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan kebanyakan sekolah kebangsaan menafikan hak ibu bapa dan MBK adalah tidak benar dan berniat merendahkan kewibawaan pelaksanaan dasar kerajaan.

Tuduhan Yang Berhormat Batu Gajah bahawa pentadbir sekolah tidak pernah dengar tentang pendidikan inklusif, tidak arif dan menggunakan budi bicara sendiri dalam penempatan MBK membayangkan Ahli Yang Berhormat mempunyai prasangka buruk kepada insan guru yang banyak berkorban mendidik anak-anak kita. Sepatutnya Yang Berhormat merujuk kepada sumber yang betul untuk mendapat maklumat yang tepat. Kementerian telah mengambil langkah terancang memberikan pendedahan dan pengetahuan tentang pendidikan khas dan program pendidikan inklusif kepada semua warga sekolah khususnya kepada pentadbir sekolah dan guru-guru. Selain daripada itu, surat siaran dan garis panduan pelaksanaan PPKI dan PPI juga dikeluarkan untuk rujukan pentadbir sekolah.

Dakwaan Yang Berhormat Batu Gajah bahawa pentadbir sekolah menentukan penempatan MBK dan menafikan kehadiran MBK untuk kepentingan KPI juga sangat tidak relevan. Ini kerana urusan pemilihan dan penempatan MBK di sekolah bukan diputuskan oleh pentadbir sekolah, tetapi dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Program Pendidikan Khas Sekolah. Jawatankuasa tersebut akan memperakui dan meluluskan MBK yang layak mengikuti PPI berdasarkan kriteria yang ditetapkan. MBK yang telah ditempatkan dalam PPI perlu menjalani tempoh percubaan maksimum tiga bulan. Setelah tamat tempoh percubaan, MBK yang didapati tidak sesuai untuk meneruskan pembelajaran di PPI akan ditempatkan ke kelas PPKI. Langkah ini diambil untuk menentukan kesesuaian tempat pembelajaran MBK dan proses ini tidak ada kaitan dengan KPI sekolah. Data pada tahun 2016 menunjukkan PPKI dilaksanakan di 2,408 sekolah dan dalam tempoh yang sama, sebanyak 5,807 sekolah melaksanakan PPI.

Tuan Yang di Pertua, kementerian sentiasa mengalu-alukan dan menerima khidmat sukarelawan daripada komuniti untuk saling melengkapi peranan guru yang menguruskan perkembangan MBK di bilik darjah. Kementerian telah mengeluarkan Kod Amalan Pendidikan Khas pada tahun 2015 khusus untuk memantapkan program pendidikan khas. Kod Amalan ini merupakan sumber kekuatan dan rujukan semua pihak terhadap tatacara penyampaian perkhidmatan pendidikan bagi MBK di bawah bidang kuasa KPM. Pelibatan ibu bapa atau penjaga sangat penting bagi memastikan keberkesanan pendidikan MBK. Setakat ini, KPM tidak menerima aduan pihak sekolah menolak hasrat ibu bapa memberi khidmat pendamping (*shadow aide*) kepada anak-anak mereka yang ditempatkan di aliran perdana seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat.

Kementerian bersedia menyiasat kes tersebut jika Yang Berhormat Batu Gajah dapat memberikan maklumat kes yang lengkap demi keadilan kepada semua pihak. Pada dasarnya, Kod Amalan Pendidikan MBK telah dengan jelas menyatakan pada para 4.2, Bab 4: Pelibatan Ibu Bapa atau Penjaga, bahawa ibu bapa atau penjaga boleh berada di sekolah atau di bilik darjah bagi membantu anak-anak mereka semasa proses pembelajaran dan sewaktu mereka menjalankan aktiviti di luar bilik darjah. Walau bagaimanapun, ibu bapa atau penjaga hendaklah mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah dan KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 sudah digantikan dengan PPPM 2013-2025. Sepatutnya PPPM dijadikan rujukan terkini untuk memperkatakan tentang dasar dan program pendidikan. Dalam bidang pendidikan khas, dasar kementerian amat jelas iaitu memastikan semua MBK menerima akses pendidikan yang sesuai dengan keperluan mereka. Kementerian akan memastikan murid yang telah diperakukan oleh sama ada pengamal perubatan kerajaan atau swasta sebagai murid yang mempunyai mana-mana ketidakupayaan seperti yang telah ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 dan berpotensi diberikan peluang untuk ditempatkan secara inklusif di dalam kelas arus perdana. Langkah ini selaras dengan prinsip *Education for All (EFA)* yang disarankan oleh UNESCO, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Kementerian komited melaksanakan semua inisiatif dalam PPPM melibatkan jentera semua peringkat pendidikan dan pihak sekolah bersungguh-sungguh mencapai sasaran yang ditetapkan. Oleh itu, adalah tidak logik jika Yang Berhormat Batu Gajah menuduh kerajaan membiarkan semua pelan pendidikan tinggal atas dokumen sahaja. KPM memberi fokus menggalakkan lebih ramai MBK ke dalam PPI dengan menjalankan intervensi MBK lebih awal, menyediakan kurikulum yang luwes dan relevan, menyediakan guru terlatih dan tenaga pakar, menyediakan infrastruktur dan membina kesedaran dan penglibatan awam.

Hasilnya, peratus enrolmen MBK PPI berbanding dengan jumlah MBK telah meningkat daripada 9.6 peratus pada tahun 2013 kepada 30.26 peratus pada tahun 2016. Bilangan MBK dalam PPI meningkat setiap tahun daripada 5,376 pada tahun 2013 kepada 23,048 pada tahun 2016. Sehingga 31 Mac 2017, sejumlah 22,465 telah didaftarkan dalam PPI di sekolah.

Tuan Yang di Pertua, kementerian juga telah memberikan latihan kepada guru PPI. Sejak tahun 2013 hingga tahun 2016, seramai 8,722 orang guru telah menerima latihan berkaitan PPI. Pada tahun 2017, kementerian merancang untuk memberi latihan PPI kepada 220 orang guru. Di samping itu, bagi mencapai objektif meningkatkan pelaksanaan PPI di sekolah dan menginstitusikan amalan holistik terbaik dalam pentadbiran dan pengoperasian sekolah, KPM telah melaksanakan projek rintis Model Holistik Program Pendidikan Inklusif yang telah dijalankan pada tahun 2016 di lima buah sekolah di Daerah Larut, Matang dan Selama, Perak. Projek ini akan diperluaskan kepada 44 buah sekolah di seluruh negara pada tahun 2017. Pada masa yang sama, KPM turut menyediakan perkhidmatan sokongan bagi mengurangkan impak kesukaran di persekitaran sekolah. Perkhidmatan sokongan merujuk kepada bantuan perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas.

Kesimpulannya, keterangan dan fakta yang saya bentangkan ini membuktikan kerajaan berusaha memastikan setiap MBK mendapat akses kepada pendidikan berkualiti dan relevan, sesuai dengan keperluan khusus mereka. KPM turut melengkapkan guru dengan pengetahuan asas pendidikan khas bagi mencapai sasaran 75 peratus MBK mendaftar dalam PPI menjelang 2025.

Oleh itu, saya harap Yang Berhormat Batu Gajah tidak terus mempolitikkan isu ini dan perlu melihat sesuatu isu pendidikan dengan waras dan ikhlas demi kemajuan anak-anak kita. Kita perlu beri kepercayaan dan sokongan kepada pentadbir sekolah yang merupakan *front liner* pelaksana dasar kerajaan yang prihatin. Sekolah jugalah yang menjadikan kita termasuk Ahli Yang Berhormat berjaya hari ini. Dalam hal ini, KPM sentiasa menghargai peranan sekolah dan kerjasama semua pihak yang prihatin khususnya ibu bapa MBK dalam menjayakan program pendidikan khas di sekolah. Sekian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Baiklah Yang Berhormat, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan... [Tepuk]

**[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.59 petang]**